

24 JUL 1997

ASEAN MUNGKIN PERKENALKAN UNDANG-UNDANG BENDUNG SPEKULASI MATAWANG

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Asean mungkin menimbangankan untuk merangka undang-undang bagi membendung serangan spekulatif ke atas matawang-matawang rantau berkenaan.

"Mulanya, adakan pendirian bersama tentang bagaimanakah mengatasi isu ini dan sekiranya terdapat keperluan untuk merangka undang-undang berhubung matawang kita, maka kita akan berbuat demikian.

"Kita sedang mengkaji bidang-bidang kerja sama berkemungkinan," beliau memberitahu persidangan berita selepas merasmikan Mesyuarat Peringkat Menteri Asean yang ke 30 di sini.

Sungguhpun tiada langkah tepat dikenal pasti untuk mengatasi masalah itu, Dr Mahathir berkata pada amnya, Asean akan menggunakan semangat setia kawannya untuk membenters serangan spekulatif tersebut.

"Pastinya dengan bekerjasama kita boleh meningkatkan kelebihan kita dan berupaya mengatasi masalah seperti ini yang merupakan perkara biasa bagi kita," katanya.

Ketika menggesa diadakan kerjasama yang erat di kalangan bank-bank pusat Asean, Dr Mahathir berkata sungguhpun tahap perhubungan sekarang di kalangan bank-bank pusat Asean adalah memadai, ia boleh dipertingkatkan lagi.

Ditanya sama ada Malaysia merancang untuk mencadangkan satu usaha bersatu secara formal mengenai perkara itu, katanya: "Kita sudahpun mempunyai bentuk kerjasama atau peraturan tetapi ternyata ia belum memadai.

"Dan belum cukup berkesan untuk menangani dengan keadaan yang kita hadapi sekarang."

Mahathir mengulangi bahawa asas ekonomi yang kurang memberangsangkan bukannya asas bagi dana-dana spekulatif untuk menekan turun nilai matawang-matawang Asean, tetapi ia semata-mata bermotifkan keuntungan berlebihan.

"Masalah-masalah seperti kelembapan eksport dan lebih pendedahan pinjaman kepada sektor harta sudah pasti akan berlaku di sebarang negara tetapi saya tidak akan menyatakan bahawa asas kita tidak baik ... malah, sebahagian besar syarikat Asean berprestasi cemerlang berbanding dengan yang di Eropah," tambahnya.

Ditanya siapakah spekulator yang terbabit, Dr Mahathir bagaimanapun enggan menamakan mereka.

Ketika menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata kerjasama ekonomi Asean tidak akan dijadikan sebuah pakatan perdagangan.

"Kita tidak berhasrat menjadi pakatan perdagangan. Kita sering berkata bahawa kita bukannya pakatan perdagangan tetapi kita mempunyai keistimewaan tertentu di kalangan sama sendiri."

Katanya peraturan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) akan mengurangkan duti import di antara negara-negara Asean tetapi tidak memaksa sebarang syarat bagi negara anggotanya berdagang dengan negara-negara lain.

"Jadi bukanlah hasrat kita menjadi pakatan perdagangan," tambahya. --

BERNAMA

AD MA